



## **Kenyataan Media**

### **SINDIKET *FAKE* BTS TUMPAS, KALI INI DI JOHOR**

**CYBERJAYA, 10 Februari 2026** – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berjaya menumpaskan satu lagi aktiviti sindiket pemancaran Stesen Pangkalan Palsu (*Fake Base Transceiver Station – Fake* BTS) kali ini melibatkan operasi di sekitar kawasan Bukit Chagar, Johor Bahru.

Operasi ini dilaksanakan susulan maklumat yang diterima serta pemantauan teknikal dan analisis rangkaian oleh MCMC yang mengesan corak pemintasan rangkaian telekomunikasi dan penyebaran SMS palsu kepada pengguna.

Dalam operasi bersepadu yang dijalankan bersama pihak penyedia perkhidmatan telekomunikasi pada hari ini, pasukan penguatkuasa telah mengenal pasti seorang individu dan sebuah kenderaan yang digunakan sebagai platform pemancaran *Fake* BTS. Pemeriksaan di lokasi mengesahkan penggunaan peranti komunikasi tidak diperakui yang berupaya memintas rangkaian sah dan menghantar SMS palsu secara terus kepada peranti pengguna di sekitarnya.

Maklumat yang diperolehi turut menunjukkan bahawa individu yang terlibat direkrut untuk mengendalikan peranti *Fake* BTS melalui tawaran pekerjaan dengan bayaran harian, satu taktik yang digunakan oleh sindiket bagi memperluas operasi tanpa mendedahkan struktur sebenar rangkaian mereka.

Penemuan ini mengukuhkan kewujudan rangkaian sindiket yang menyasarkan pengguna di kawasan tumpuan awam, sekali gus meningkatkan risiko penipuan serta mengancam integriti sistem telekomunikasi negara.

Kes ini diambil tindakan di bawah Seksyen 239(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] serta Peraturan 16(1)(b), Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000. Bagi kesalahan di bawah Seksyen 239 Akta 588, seseorang yang disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM1,000,000 atau dipenjarakan sehingga 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Manakala bagi kesalahan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000, pelaku boleh didenda maksimum RM300,000 atau dipenjarakan sehingga tiga (3) tahun, atau kedua-duanya sekali.

MCMC tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk penyalahgunaan rangkaian komunikasi oleh sindiket tidak bertanggungjawab. Usaha pemantauan teknikal serta tindakan penguatkuasaan akan terus diperkasakan bagi melindungi pengguna dan memastikan keselamatan serta kebolehpercayaan rangkaian komunikasi negara.

## LAMPIRAN GAMBAR



MCMC berjaya menumpaskan sindiket Fake BTS dalam satu operasi bersepadu di Bukit Chagar, Johor Bahru.

## KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

